

Kenderaan

Metro 24/3/12
MS 39.

kerap 'hilang'

Penduduk Pangsapuri Desa Mentari risau kes curi makin menjadi-jadi

>>Oleh Ardyhansah Amat

ardyhansah@hmetro.com.my

PETALING JAYA: Kejadian kecurian motosikal dan kenderaan yang kerap berlaku di Blok 6, Pangsapuri Desa Mentari menyebabkan penduduk tidak senang duduk.

Walaupun terdapat rondaan rukun tetangga yang ditubuhkan penduduk untuk mengawal keselamatan di kawasan perumahan, masalah itu terus berlaku sehingga menghantui penduduk di situ.

Penduduk, K Appa, 30, berkata, masalah kecurian itu kerap berlaku, malah hampir setiap minggu sama ada membabitkan motosikal ataupun kereta persendirian.

an.

"Kami percaya ia bukanlah angkara penduduk di sini sebaliknya dilakukan oleh orang luar. Kejadian biasanya berlaku sekitar jam 4 hingga 5 pagi iaitu ketika semua penduduk sedang lena tidur.

"Jika motosikal tidak dilarikan, biasanya mereka akan memecah cermin kereta sebelum mengambil apa saja barang yang dirasakan berharga dan ini menyebabkan penduduk mengalami kerugian," katanya kepada Harian Metro, di sini, baru-baru ini.

Difahamkan, pencuri menggunakan kenderaan seperti van atau lori untuk melarikan motosikal dengan mudah tanpa mengambil

masa yang panjang.

Selain itu, K Rajan, 49, pula berkata sasaran pencuri biasanya terhadap motosikal kerana boleh dijual dengan harga yang jauh lebih tinggi berbanding motosikal lama.

"Jika dulu, penduduk hanya perlu mengunci motosikal dengan rantai dan sebagainya tetapi kini, ia tetap hilang walaupun kunci dengan banyaknya.

"Ada juga yang lebih gemar mencuri minyak motosikal dan hanya disedari pada awal pagi sebaik saja pemilik kenderaan hendak menggunakannya," katanya.

Katanya lagi, beberapa bulan lalu pernah berlaku insiden apabila lebih 20 motosikal penduduk di pang-

sapuri berkenaan hangus dibakar ekoran perbuatan khianat pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Disebabkan insiden itu serta kejadian kecurian kenderaan yang semakin menjadi-jadi, sebahagian penduduk membawa motosikal naik untuk diletakkan di hadapan rumah bagi mengelakannya hilang.

"Keadaan ini menyebabkan lif yang ada cepat rosak kerana terpaksa menampung berat motosikal. Saya sendiri akan meletakkan motosikal di tempat kerja anak pada sebelah malam sebelum mengambilnya pada awal pagi kerana merasa tidak selamat jika diletakkan di kawasan perumahan," katanya.